



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

AKTA PEKERJA GIG 2025 BERKUAT KUASA - MALAYSIA PERKUKUH TADBIR URUS DAN KESEJAHTERAAN TENAGA KERJA EKONOMI GIG

Putrajaya, 31 Mac - Penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872] bermula hari ini menandakan satu anjakan dasar penting dalam memperkukuh tadbir urus ekonomi gig serta memastikan kesejahteraan dan perlindungan yang lebih menyeluruh kepada tenaga kerja dalam sektor tersebut di Malaysia.

Menteri Sumber Manusia berkata pelaksanaan akta ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI untuk membina ekosistem pekerjaan masa hadapan yang lebih adil, inklusif dan berdaya tahan, sejajar dengan perkembangan pesat ekonomi digital. Akta ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 1.64 juta pekerja gig melalui penyediaan kerangka perundangan yang komprehensif, merangkumi ketelusan perjanjian perkhidmatan, kepastian bayaran, perlindungan daripada diskriminasi serta akses kepada mekanisme penyelesaian pertikaian yang lebih tersusun menerusi Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia dan Tribunal Pekerja Gig.

Selain itu, perlindungan keselamatan sosial melalui PERKESO serta aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan turut diperkukuh tanpa menjejaskan fleksibiliti yang menjadi asas kepada model pekerjaan gig. Pelaksanaan Akta 872 meletakkan Malaysia dalam kedudukan strategik sebagai antara negara terawal di rantau ini yang memperkenalkan perundangan khusus bagi sektor gig secara menyeluruh, sekali gus berpotensi menjadi rujukan dalam pembangunan dasar berkaitan ekonomi gig di peringkat serantau dan global.

Di bawah akta ini, pekerja gig ditakrifkan secara inklusif merangkumi individu yang menjalankan perkhidmatan melalui platform digital mahupun tanpa platform, sekali gus memastikan perlindungan diperluaskan kepada pelbagai sektor termasuk perkhidmatan kreatif, profesional dan bebas. Bagi memperkukuh aspek tadbir urus, Majlis Perundingan Gig (MPGiG) ditubuhkan sebagai mekanisme tripartit melibatkan wakil-wakil kerajaan, pekerja gig dan entiti kontrak untuk menasihati kerajaan dalam penetapan kadar pendapatan minimum serta standard berkaitan sektor, berasaskan data dan keperluan semasa pasaran. Seramai 26 orang Anggota MPGiG dari pelbagai latar belakang dan pengalaman industri ekonomi gig dilantik, berkuat kuasa 1 April 2026. Mesyuarat pertama Majlis Perundingan Gig yang dijadualkan pada 3 April 2026 akan memberi tumpuan kepada perbincangan berkaitan kadar pendapatan pekerja gig sebagai antara agenda utama pelaksanaan awal Akta ini. Dalam masa yang sama, penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) sebagai badan penyelarasan tunggal akan memastikan pelaksanaan dasar, pemantauan industri serta pembangunan ekosistem gig dilaksanakan secara lebih bersepadu, tersusun dan berkesan.

Akta ini turut memperkenalkan sistem pengurusan aduan yang lebih sistematik melalui platform eAduan Kementerian Sumber Manusia, bagi membolehkan pekerja gig mengemukakan aduan berkaitan bayaran, penggantungan akaun atau pelanggaran perjanjian, dengan sasaran penyelesaian dalam tempoh maksimum 21 hari bekerja bergantung kepada jenis dan kompleksiti kes.

Penguatkuasaan akan dilaksanakan secara bersepadu oleh agensi berkaitan termasuk Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta PERKESO, dengan tindakan tegas dikenakan terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi peruntukan undang-undang.

Langkah ini mencerminkan pendekatan kerajaan yang seimbang dalam merangsang pertumbuhan ekonomi digital sambil memastikan kebajikan dan perlindungan pekerja terus menjadi keutamaan. Maklumat lanjut mengenai Akta Pekerja Gig 2025 boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi Kementerian Sumber Manusia di <https://www.mohr.gov.my/aktapekerjagig2025/>

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

31 MAC 2026

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab untuk pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	